



# KENYATAAN MEDIA

## UJIAN PENERIMAAN KILANG – KEJAYAAN PERTAMA KERJA BAWAH TANAH MRT LALUAN SSP

**Guangzhou, 29 Ogos 2017:** Ujian Penerimaan Kilang bagi mesin baru pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) telah siap, menandakan kesediaan perengkuh gergasi untuk dihantar ke tapak membuat terowong di Malaysia.

Ujian tersebut mengambil tempat di Herrenknecht Tunnelling Machinery Co., Ltd. di Guangzhou, China, ia merupakan satu proses di mana pelanggan dan pemilik projek bersama-sama bertanggungjawab untuk menilai bersama pengeluar prestasi kesediaan mesin tersebut.

Ujian penerimaan kilang merupakan satu kejayaan di mana proses pengesahan dijalankan untuk membuktikan sistem dan penghasilan reka bentuk memenuhi spesifikasi mengikut kontrak yang ditetapkan oleh pelanggan. Ujian ini kebiasaannya dijalankan semasa reka bentuk terakhir dan fasa kejuruteraan mesin sebelum ia digunakan.

Semasa proses itu di mana lebih 400 barang diperiksa sebelum yang terakhir "Sijil Layak Digunakan" diberikan kepada pelanggan oleh pengeluar.

Majlis tersebut menyaksikan media aliran utama Malaysia diterbangkan oleh pemilik projek MRT Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk menyaksikan mesin pertama Laluan SSP. Malah, terdapat tiga mesin yang lain akan menjalani proses dan prosedur yang sama, tanpa adanya majlis seperti mesin yang pertama.

Bagi Laluan SSP, sepanjang 13.5km dengan 11 stesen merupakan bawah tanah dan Kontraktor Pakej Kerja Bawah Tanah MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) akan mengatur kedudukan 12 pengorek terowong untuk membina terowong.

Lapan mesin yang lain diperlukan untuk Laluan SSP ialah dari mesin yang telah dibaikpulih dari MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Hadir di Ujian Penerimaan Kilang dari MRT Corp ialah Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah, Pengarah Terowong Blaise



Mark Pearce dan dari MGKT yang hadir ialah Pengarah Terowong Gusztav Klados dan Pengurus Besar Terowong Ng Hau Wei.

Hau di dalam ucapan beliau berkata majlis itu merupakan satu kejayaan penting kerana kesediaan Mesin Pengorek Terowong mempunyai rangkaian aktiviti pembinaan yang berturut-turut.

“Selepas Ujian Penerimaan Kilang, mesin akan dihantar ke tapak untuk pemasangan yang akan mengambil masa dua bulan sebelum ia boleh mula mengorek. Sebarang kelewatan dalam rangkaian mengakibatkan kelewatan kepada tarikh penyerahan,”katanya.

Beliau turut berkata sama seperti sebelum ini untuk Laluan SBK apabila Mesin Pengorek Terowong telah dibina di kemudahan utama Herrenknecht di Jerman, di sini juga MGKT telah menghantar sepasukan jurutera baru untuk dilatih sebagai jurutera terowong.

“Kami sentiasa menyedari tentang keperluan untuk jurutera terowong yang mampan dan latihan semasa kerja ialah latihan yang terbaik untuk jurutera yang menginginkan kerjaya dalam aspek pembinaan terowong,”jelas beliau.

Melihat kepada cabaran membuat terowong, Hau menjelaskan terdapat beberapa zon karstik yang rumit di mana perhatian yang tinggi diperlukan dan disebabkan hal ini adalah amat bermanfaat kepada projek ini untuk menggunakan Mesin Pengorek Terowong *Variable Density*, pelbagai anugerah inovasi dimenangi oleh MMC-Gamuda adalah satu kejayaan dalam menyelesaikan mimpi ngeri mereka dalam membuat terowong.

Dari segi pengajaran yang dipelajari, kami sudah tentu mempunyai mesin yang lebih baik, penambahan ilmu pengetahuan dan yang paling penting ialah mempunyai satu pasukan pakar dalam menguruskan kerja-kerja terowong, yang merupakan aset dan kekuatan terbesar kami, tambah Hau.

Justeru itu, Hau juga mengakui bahawa MGKT telah kehilangan beberapa orang jurutera terowong yang beralih ke sumber pendapatan yang lebih tinggi. “Kami melihat situasi ini dengan bangga apabila para jurutera Malaysia yang terlatih diburu untuk kerja-kerja terowong di serata dunia,”kata Hau.

Najmuddin, sebagai wakil pemilik projek berkata ini merupakan Ujian Penerimaan Kilang kedua yang telah didedahkan kepada Media, pertama di Jerman pada tahun 2012 untuk Laluan SBK. Beliau berkata Laluan SBK yang siap pada Julai 2017 lebih awal dari tarikh dan dalam lingkungan kos yang telah ditetapkan adalah bukti bahawa kami mempunyai semua sistem tersedia untuk pelaksanaan Laluan 2 berjalan lancar, dan bermungkinan lebih baik lagi daripada pelaksanaan laluan sebelumnya.

